

KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN "NILAI MURNI
MERENTASI KURIKULUM" DI KUITTHO ;
SATU KAJIAN DI KALANGAN PENSYARAH
FARUKI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

NOOR AZRA BINTI NAZEM



PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PERPUSTAKAAN KUI THO
3 0000 00121092 5
Tc 34

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES

JUDUL: KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN "NILAI MURNI MERENTASI KURIKULUM" DI KUITTHO: SATU KAJIAN DI KALANGAN PENSYARAH FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

SESI PENGAJIAN: 2001/2002

Saya: NOUR AZIRA BINTI NAZERI (MT001203)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Kajian Kes ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Kajian Kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Kajian Kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sita tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:
878-A MK 11, Kg Bukit,
11900 Bayan Lepas,
Pulau Pinang




(TANDATANGAN PENYELIA)

Encik Mohd Noor Bin Hashim
Nama Penyelia

Tarikh: 24 September 2001

Tarikh: 24 September 2001

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

TANDATANGAN



NAMA PENYELIA : **ENCIK MOHD NOOR BIN HASHIM**

TARIKH : 24 September 2001

PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN “NILAI MURNI MERENTASI
KURIKULUM” DI KUITTHO: SATU KAJIAN DI KALANGAN PENSYARAH
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN**

NOUR AZIRA BINTI NAZERI

**Kajian Kes Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2001

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PENGAKUAN PENYELIDIK

“ Saya akui bahawa kajian kes bertajuk **Kajian Terhadap Pelaksanaan “Nilai Murni Merentasi Kurikulum” Di KUiTTHO: Satu Kajian Di Kalangan Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan** adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan




Nama Penulis

: **NOUR AZIRA BINTI NAZERI**

Tarikh

: 24 September 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

DEDIKASI

Teristimewa buat....

Bapa, mak dan seisi keluarga tersayang...

Berkat doa yang dihulurkan, kejayaan ini adalah milik kita bersama.

Untuk saudara Sabila...

terima kasih atas sokongan, bantuan dan perhatian yang diberikan.

Mudah-mudahan

Kita semua mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat serta sentiasa dirahmati, diberkati dan diredhai olehNya. Amin



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim....

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah s.w.t yang telah mengurniakan kesihatan serta kekuatan untuk menyiapkan kajian kes ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ikhlas ditujukan kepada penyelia kajian kes ini, Encik Mohd Noor Bin Hashim. Terima kasih di atas segala bimbingan dan sentiasa membantu memberi idea-idea yang bernas dalam usaha membantu penyelidik menyiapkan kertas kajian ini.

Penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada Puan Yusmawati Bt. Yusof selaku pensyarah penilai yang juga banyak membantu di dalam menyempurnakan kertas kajian ini. Tanpa teguran serta panduan yang diberikan, tugas ini tidak akan sempurna.

Tidak ketinggalan jutaan terima kasih ditujukan kepada pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang bekerjasama sebagai sampel kajian. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang kasihan di atas pendapat dan tunjuk ajar yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Semoga kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang memerlukan. Inshaallah.



PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

ABSTRAK

Satu aspek terpenting yang ditekankan dalam pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah adalah menerapkan penghayatan etika kebangsaan dan nilai-nilai moral yang murni dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti sama ada pensyarah-pensyarah di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia turut melaksanakan perkara yang sama dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka, seperti yang diamalkan oleh tenaga pengajar di peringkat sekolah-sekolah menengah dan rendah di negara ini. Bagi tujuan kajian ini, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dipilih sebagai sampel institusi bagi mewakili institusi pengajian tinggi awam yang lain di negara ini. Soal selidik telah diedarkan kepada kalangan 63 responden, terdiri daripada tenaga akademik di Fakulti Teknologi Kejuruteraan di KUiTTHO. Kajian ini memilih prosedur deskriptif dan data-data yang telah dianalisis menunjukkan responden turut memberikan keutamaan dalam menerapkan ciri-ciri penghayatan etika kebangsaan dan nilai-nilai moral yang murni dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik kuliah. Adalah menjadi harapan semoga dapatan kajian ini dapat membantu pihak institusi pengajian tinggi dalam meningkatkan proses penerapan nilai etika kebangsaan dan nilai-nilai moral yang murni merentasi kurikulum akademik.



P
PERBISSAKAAN TUN AMINAH

ABSTRACT

One of the major aspects emphasized in the implementation of the schools curriculum is to inculcate national ethics and moral values in teaching. This study seek to find out whether the lecturers in institutions of higher learning in Malaysia do gave equal priorities in inculcating national ethics and moral values in their teaching, as been practised by their colleagues at the primary and secondary schools level. For the purpose of this study, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) was chosen as sample representing the other institutions of higher learning in Malaysia and questionnaires were administered to 63 practising academia from the Faculty of the Engineering Technology in KUiTTHO. This study adopted a descriptive procedures and the data showed that all of the academia do gave equal priorities in inculcating national ethics and moral values related from the findings of this study. Hopefully the findings of this study may help the university in enhancing the inculcation of national patriotism and moral ethics and values across the academic curriculum.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pemyataan Masalah	5
	1.4 Soalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	10
	1.8 Definisi Istilah	10



BAB II	SOROTAN KAJIAN	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Rasional Penerapan Nilai Murni Dalam Pendidikan	13
2.3	Objektif Penerapan Nilai Murni	15
2.4	16 Ciri Nilai Murni Merentas Kurikulum KBSM	16
2.4.1	Baik Hati	17
2.4.2	Berdikari	17
2.4.3	Hemah Tinggi	18
2.4.4	Hormat-Menghormati	18
2.4.5	Kasih Sayang	18
2.4.6	Keadilan	19
2.4.7	Kebebasan	19
2.4.8	Keberanian	19
2.4.9	Kebersihan Fizikal Dan Mental	20
2.4.10	Kejujuran	20
2.4.11	Kerajinan	20
2.4.12	Kerjasama	20
2.4.13	Kesedaran	21
2.4.14	Kesyukuran	21
2.4.15	Rasional	21
2.4.16	Semangat Bermasyarakat	21
2.5	Strategi Penerapan Nilai Murni	22
2.6	Kesan Penerapan Nilai Murni KBSM	24



BAB III	KAEDAH KAJIAN	26
3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Responden/Sumber Data	27
3.4	Sampel Kajian	27
3.5	Instrumentasi Kajian	28
3.6	Kajian Rintis	30
3.7	Kaedah Analisis Data	31
3.8	Batasan Kajian	33
3.9	Andaian	34

BAB IV	ANALISI DATA DAN DAPATAN	35
---------------	---------------------------------	----

4.1	Pengenalan	35
4.2	Pengetahuan Asas Pensyarah Mengenai Ciri-Ciri Nilai Murni Merentas Kurikulum.	36
4.3	Pelaksanaan Penerapan Nilai Murni Di kalangan Pensyarah.	38
4.4	Keberkesanan Penerapan Nilai Murni Terhadap Pelajar KUiTTTHO.	41
4.5	Strategi Penerapan Nilai Murni Merentas Kurikulum Di Kalangan Pensyarah	42
4.6	Penerapan Nilai Murni Merentas Kurikulum Mengikut Keutamaan Yang Diamalkan Oleh Pensyarah.	44
4.7	Rumusan	46



BAB V	KESIMPULAN DAN CADNGAN	47
5.1	Pengenalan	47
5.2	Kesimpulan	47
5.3	Cadangan	50
5.4	Penutup	53

RUJUKAN	55
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A - D

59 - 67



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian Skor Skala Likert	29
4.1	Analisis Min Keseluruhan Ke Atas Pengetahuan Pensyarah Mengenai Ciri-Ciri Nilai Murni Merentas Kurikulum	37
4.2	Analisis Min Keseluruhan Ke Atas Pelaksanaan Penerapan Nilai Murni Di Kalangan Pensyarah	38
4.3	Jadual Kekerapan Jawapan Bagi Item Memberi Kebebasan Kepada Pelajar Keluar Kelas	40
4.4	Analisis Min Keseluruhan Ke Atas Keberkesanan Penerapan Nilai Murni Terhadap Pelajar	41
4.5	Analisis Min Keseluruhan Ke atas Strategi Penerapan Nilai Murni	43
4.6	Analisis Item Ciri-Ciri Nilai Murni Merentas Kurikulum Yang Sering Diamalkan Dan Diutamakan Oleh Pensyarah	45



PTM UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	59
B	Reliability Analysis - Scale (Alpha)	63
C	Dapatan Analisis Min Dan Sisihan Piawai	64
D	Pengumpulan Data Soalan Kajian 5	66



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KUiTTHO	Kolej Universiti Tun Hussein Onn
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
SPSS 10.0	Statistical Package for Sosial Science Version 10.0
f	Kekerapan
Σ	Jumlah
x	Nilai item



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Rakyat yang berilmu serta berakhlak mulia adalah asas utama dalam pembangunan masyarakat dan menentukan kemajuan sesebuah negara. Cemerlang atau mundurnya tamadun sesuatu bangsa itu bergantung kepada ketrampilan, keseimbangan dan berilmunya anak didik sesuatu sistem pendidikan (Hamdan Sheikh Tahir, 1979).

Menurut Mok Soon Sang (1991), penggubalan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang diperkenalkan pada tahun 1987 telah menjadi panduan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. FPN telah digubal secara rapi dan teliti oleh pakar-pakar pendidikan dengan mengambil kira seluruh aspek yang berkaitan dengan keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. Matlamat utama pendidikan adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu.

FPN menekankan konsep melahirkan manusia yang seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani. Antara kandungan falsafah pendidikan negara adalah seperti berikut:

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu

pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988)

Merujuk Kementerian Pendidikan Malaysia (1987), matlamat FPN ini menjuruskan rakyat untuk memiliki ciri-ciri seperti berikut:

- i. Percaya dan patuh kepada tuhan.
- ii. Berilmu pengetahuan.
- iii. Berakhlak mulia.
- iv. Bertanggung jawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara
- v. Berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.
- vi. Memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.

Keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPN akan dapat dicapai jika rakyat dapat merealisasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Berdasarkan kepada FPN seluruh struktur kurikulum pendidikan kebangsaan diubah dengan mementingkan penerapan nilai-nilai murni dan sejagat.

Menurut Shahril dan Habib (1999), peranan utama sektor pendidikan adalah untuk membentuk dan melahirkan generasi atau masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai rohani, bermoral tinggi dan mempunyai perasaan bertanggung jawab. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil berat penerapan nilai-nilai murni ini dan telah menggubal ciri-ciri nilai murni dalam kurikulum sama ada dalam pendidikan formal dan tidak formal di peringkat Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan turut dikekalkan ke peringkat universiti .

1.2 Latar Belakang Masalah

Masalah sosial yang semakin ketara dan berleluasa di kalangan remaja, pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta kepada pelajar-pelajar sekolah merupakan antara fenomena besar yang dihadapi oleh negara. Menurut Mohd Azib (1990), pelajar masa kini adalah aset yang paling berharga kepada negara kerana mendukung cita-cita negara untuk menjadikan sebuah negara maju menjelang 2020. Mereka merupakan tenaga dan bakal pemimpin pada masa hadapan, penyambung budaya, penggerak kemajuan, pelopor pembangunan bagi sebuah negara.

Penglibatan pelajar dalam gejala sosial antaranya dalam kes-kes salah laku disiplin, tidak menghormati guru, vandalisme, penyalahgunaan dadah, budaya lepak, penderaan, pembunuhan, serta tindakan tunjuk perasaan khususnya pelajar IPTA adalah amat membimbangkan. Seorang penyair Arab iaitu Shauqey Bek dalam Tunku Sarah (1998), mengatakan bahawa keunggulan bangsa kerana akhlaknya, runtuh akhlak maka runtuhlah negara.

Laporan mengenai masalah-masalah ini sering dikhabarkan melalui laporan di media elektronik dan media cetak. Menurut Tan Sri Musa bin Mohammad, Menteri Pendidikan (2001), budaya *punk*, *rock*, *black metal* dan semua gejala sosial sekarang adalah amat membimbangkan kerana untuk mendapat kejayaan menjelang tahun 2020, remaja memerlukan ketahanan diri, jiwa dan minda. Negara akan punah dan peradaban akan musnah sekiranya warganegaranya tidak beretika, berjiwa kosong, buruk akhlak serta tidak bermoral (Tunku Sarah, 1998).

Pelaksanaan penerapan nilai murni kepada pelajar amat perlu ditekankan supaya mereka bersedia menghadapi era kemajuan dan modenisasi yang melanda dunia hari ini. Amalan nilai-nilai murni merupakan satu benteng yang teguh bagi menghalang gejala yang tidak sihat dari meracuni pemikiran dan personaliti pelajar. Ini sesuai dengan kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahadthir Mohamad (1994), remaja adalah barisan pelapis yang akan menjadi tulang belakang

pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan. Oleh itu mereka perlu dididik dan dijauhi daripada diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan adat ketimuran yang boleh meruntuhkan keharmonian negara.

Menurut Ahmad Mohamad Said (1993), pada 28 Februari 1991, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya di Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia telah mengemukakan pandangan mengenai Wawasan 2020. Dalam ucapan tersebut telah menjelaskan bahawa menjelang 2020:

"Malaysia boleh menjadi negara maju dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang dan adil daripada segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing dinamik, giat dan kental."

Penekanan agar rakyat mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh ketika negara mencapai status negara maju menjelang 2020 jelas menunjukkan akhlak mulia adalah teras utama agar perpaduan rakyat berbilang kaum terus terjalin dan bebas daripada gejala sosial yang pasti meruntuhkan keamanan dan keharmonian negara.

Penerapan nilai-nilai murni di dalam kurikulum pendidikan adalah bersifat sejagat dan tidak bercanggah dengan agama, budaya dan norma masyarakat serta kemanusiaan dan warganegara. Peranan guru di peringkat sekolah selain mengajar diwajibkan menerapkan unsur-unsur nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Penekanan penerapan nilai murni di peringkat KBSR ditekankan dalam mata pelajaran Agama dan Pendidikan Moral iaitu mendidik pelajar tentang kebersihan fizikal dan mental, belas kasihan, kesederhanaan, kerajinan, berterima kasih, kejujuran, keadilan, hormat menghormati, semangat bermasyarakat, kasih sayang, tidak angkuh dan kebebasan ditekankan.

Di peringkat KBSM pula penerapan nilai-nilai murni telah dilakukan secara menyeluruh dalam semua mata pelajaran yang dikenali sebagai *nilai murni merentas*

kurikulum. Nilai murni merentas kurikulum mempunyai 16 ciri yang menitik beratkan sifat baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental dan fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat (Wan Mohd Zahid, 1989).

Menurut Shahril dan Habib (1999), diharapkan dengan penekanan *nilai murni merentas kurikulum* dapat membentuk individu yang berperibadi mulia. Contohnya, penerapan nilai kasih sayang atau penyayang adalah diharapkan agar lahirnya generasi yang mempunyai sifat penyayang kepada negara, bangsa, jiran dan keluarganya. Oleh itu, tiada lagi rakyat Malaysia yang suka memberi maklumat palsu dan menyebarkan risalah dengan memburuk-burukkan keadaan Malaysia di mata dunia. Begitu juga ibu bapa yang telah tua tidak ditinggalkan oleh anak-anak di rumah orang tua dan tiada ibu bapa atau individu yang sanggup mendera anak-anak atau saudaranya. Diharapkan juga gejala penyelewengan, penindasan, rasuah, tidak hormat terhadap orang yang tua dan sebagainya dapat dibendung.

Oleh itu, seharusnya 16 ciri penerapan nilai murni merentas kurikulum ini perlu kesinambungannya serta dikekalkan kepada pelajar yang menyambung pelajaran ke tahap pendidikan yang lebih tinggi seperti pendidikan di IPTA.

1.3 Pernyataan Masalah

Bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan menuju ke arah Wawasan 2020, semua institusi pendidikan tinggi tidak seharusnya memandang ringan untuk meneruskan pelaksanaan penerapan nilai murni yang telah diasaskan dalam KBSR dan KBSM iaitu melahirkan pelajar yang berakhlak mulia.

Merujuk Shahril dan Habib (1999), institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti

Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan semua IPTA di Malaysia mementingkan penerapan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar. Setiap pelajar wajib menghabiskan mata pelajaran mengikut kursus yang diikuti untuk melayakkan diri memiliki ijazah yang ditawarkan. Mata pelajaran yang terlibat adalah daripada kursus wajib universiti, kursus wajib fakulti dan kursus wajib jabatan. Dikenal pasti hanya kandungan mata pelajaran di dalam kursus wajib universiti sahaja yang menekankan penerapan nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Antara mata pelajaran di dalam kursus wajib universiti yang menekankan penerapan nilai murni dalam proses pengajaran adalah mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia I dan II, Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia serta Kurikulum I dan II. Kursus ini memupuk persefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan pelajar agar wujud sifat saling hormat-menghormati di kalangan pelbagai agama, keturunan dan budaya. Selain itu juga, dapat memperkukuhkan jati diri dalam amalan hidup bertoleransi ke arah melahirkan pelajar dan masyarakat madani. Persoalannya sekarang adakah pensyarah universiti awam ini tidak menekankan penerapan nilai murni melalui mata pelajaran kursus wajib fakulti dan wajib jabatan seperti dalam mata pelajaran kursus teras fakulti atau kursus teras program.

Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) adalah sebuah IPT yang diiktiraf sebagai universiti awam pada awal April 2001. KUiTTHO tidak ketinggalan dalam melaksanakan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran. Kepentingan penerapan nilai murni terhadap pelajar jelas seperti yang terkandung dalam misi KUiTTHO iaitu:

“Untuk melahirkan dan melatih ahli teknologi dan profesional yang kreatif, inovatif, kompeten dan bertanggung jawab serta mampu mengaplikasikan, meneroka dan menerajui teknologi baru melalui pengajaran dan penyelidikan bertaraf dunia yang bertunjangkan konsep tauhid untuk kesejahteraan sejagat”.

KUiTTHO mempunyai matlamat untuk melahirkan jurutera teknologi yang mempunyai kemahiran aplikasi semasa menjalankan tugas dan tanggung jawab dalam bidang-bidang yang berkaitan. Matlamat ini sememangnya menjurus kepada kehendak dan matlamat bagi memenuhi Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi malah menjadi penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Pendidikan di KUiTTHO adalah berteraskan konsep tauhid. Ini dapat memperlihatkan KUiTTHO amat menekankan kandungan konsep tauhid dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar wujud pembentukan sahsiah mulia pelajar. Individu yang berpegang kukuh kepada konsep tauhid tidak akan melakukan perbuatan yang menyalahi etika.

Matlamat KUiTTHO adalah selari dengan Data Pembangunan Negara yang terdapat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) (1991-2000).

Dalam RRJP2 menyatakan:

“ Usaha-usaha dalam bidang pendidikan dan latihan akan diteruskan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai imbalan bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran dengan penunpuan terhadap sains dan teknologi, nilai-nilai rohani dan moral yang tinggi, rasa bertanggung jawab, berdaya cipta, mudah lentur diri dan berupaya memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara yang berharmoni, makmur dan bersatu. ”

Menurut Shahril dan Habib (1999), peranan utama yang perlu ditekankan oleh sektor pendidikan adalah untuk membentuk dan melahirkan generasi atau masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan tinggi malah mempunyai nilai-nilai rohani dan bermoral tinggi. Rakyat yang berakhlak mulia bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Sehubungan itu, penyelidikan ini dibuat untuk mengenal pasti pelaksanaan penerapan nilai murni merentas kurikulum di kalangan pensyarah KUiTTHO dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini sangat penting kerana melaluinya pengkaji boleh mengetahui adakah pelaksanaan penerapan nilai murni membantu meningkatkan sahsiah peribadi mulia pelajar dan seterusnya pengkaji dapat memberikan cadangan untuk meningkatkan penghayatan dan amalan penerapan nilai murni ketika proses pengajaran di kalangan pensyarah KUiTTHO.

1.4 Soalan Kajian

Secara khusus kajian ini cuba meninjau kesungguhan penerapan nilai murni merentas kurikulum dalam proses pengajaran pensyarah di KUiTTHO serta menjawab persoalan kajian di bawah.

- i. Adakah pensyarah KUiTTHO mempunyai pengetahuan mengenai ciri-ciri nilai murni merentas kurikulum?
- ii. Sejauh manakah pelaksanaan penerapan nilai murni merentas kurikulum di kalangan pensyarah KUiTTHO?
- iii. Sejauh manakah berkesannya penerapan nilai murni terhadap pelajar KUiTTHO?
- iv. Sejauh manakah strategi pelaksanaan penerapan nilai murni merentas kurikulum di kalangan pensyarah KUiTTHO?
- v. Apakah ciri-ciri nilai murni merentas kurikulum yang sering diamalkan dan diutamakan oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KUiTTHO?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk meninjau kesungguhan amalan penerapan nilai murni merentas kurikulum dalam proses pengajaran di kalangan para pensyarah KUiTTHO. Objektif secara khusus adalah seperti berikut:

- i. Untuk meninjau penguasaan pengetahuan pensyarah KUiTTHO mengenai ciri-ciri nilai murni merentas kurikulum.
- ii. Untuk meninjau pelaksanaan penerapan nilai murni merentas kurikulum di kalangan pensyarah KUiTTHO.
- iii. Untuk meninjau keberkesanan penerapan nilai murni terhadap pelajar KUiTTHO.
- iv. Untuk meninjau strategi pelaksanaan penerapan nilai murni merentas kurikulum di kalangan pensyarah KUiTTHO.
- v. Untuk mengenal pasti ciri penerapan nilai murni merentas kurikulum yang sering diamalkan dan diutamakan oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KUiTTHO.

1.6 Kepentingan Kajian

- i. Kajian dapat menjelaskan mengenai tahap pengetahuan dan amalan pensyarah KUiTTHO dalam penerapan nilai-nilai murni ketika proses pengajaran.
- ii. Dapatan daripada kajian secara tidak langsung diharap menjadi rujukan serta membantu pihak-pihak tertentu terutama dalam bidang

pendidikan untuk mempertingkatkan lagi tahap kualiti pengajaran dan profesionalisme pensyarah dalam penerapan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian bagi penyelidikan ini terhad kepada pelaksanaan penerapan nilai murni merentas kurikulum di kalangan pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, KUiTTHO. Penyelidik mengenal pasti seramai 75 orang pensyarah dari jabatan yang dinyatakan di atas.

1.8 Definisi Istilah

Takrifan-takrifan seperti di bawah digunakan untuk kajian ini bagi mendapatkan maksud sebenar istilah dalam tajuk kajian yang dikaji.

i. Nilai

Nilai merujuk kepada mutu, faedah, kepentingan dan keberanian sesuatu tingkah laku, pegangan, amalan, aktiviti dan objek. Ia adalah komponen dalam sistem kepercayaan dan wujud sebagai hasil pertimbangan oleh akal fikiran dan perasaan tentang sesuatu keadaan dan fenomena. Penafsiran nilai merupakan satu amalan harian bagi kebanyakan individu (Sufean Hussein, 1996).

ii. Nilai-Nilai Murni

Nilai-nilai murni boleh didefinisikan sebagai melakukan sesuatu perkara yang berasas dan berlandaskan luno dan etika yang telah ditetapkan. Wan Mohd. Zahid (1994), mentakrifkan nilai murni sebagai:

"Nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia"

Ini bermakna nilai-nilai murni adalah merujuk kepada perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan.

iii. Nilai Murni Merentas Kurikulum

Menurut Wan Mohd Zahid (1989), nilai murni merentas kurikulum adalah satu pendekatan dalam kurikulum KBSM yang mempunyai 16 ciri nilai-nilai murni iaitu penekanan kepada sifat baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental dan fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat.

iv. Pensyarah

Pensyarah yang dimaksudkan adalah kakitangan akademik yang mengajar di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, KUiTTHO.



BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Penerapan nilai-nilai murni adalah unsur yang amat penting untuk mendidik rakyat mempunyai sahsiah diri. Pada 13 Mei 1969, rusuhan kaum telah berlaku dalam sejarah negara. Ini menunjukkan kerapuhan semangat muhibbah di kalangan masyarakat dan menunjukkan tiada sistem yang kukuh untuk menyatu padukan pelbagai kaum. Oleh itu, kerajaan telah membuat perubahan dalam sistem pendidikan. Penekanan yang lebih dalam konsep nilai murni menjadi perkara asas di dalam pengajaran agar dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, berpengetahuan, bertanggung jawab, berkebolehan, berwawasan dan terlatih (Ibrahim Saad, 1982).

Berdasarkan Abu Zahari (1984), matlamat pendidikan dinyatakan di dalam FPN. Objektif FPN adalah ingin mencapai:

- i. Perpaduan kaum dan penghapusan polarisasi kaum.
- ii. Peneguhan pembentukan sikap kenegaraan.
- iii. Penerapan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
- iv. Penerapan nilai-nilai Islam.
- v. Pembentukan insan yang harmonis dan seimbang.

Kesedaran untuk memupuk nilai-nilai murni perlu diterapkan sejak zaman kanak-kanak lagi. Dapat dilihat pada masa kini, kurikulum nilai-nilai murni telah

diterapkan sejak pendidikan pra sekolah lagi. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun mudah menerima didikan untuk pembentukan peribadi yang bernilai murni. Oleh itu, ibu bapa, guru-guru dan masyarakat perlu saling berperanan dalam memberi teladan kepada kanak-kanak.

2.2 Rasional Penerapan Nilai Murni Dalam Pendidikan

Pendidikan merupakan satu proses memperolehi ilmu pengetahuan dan juga pembentukan tingkah laku melalui proses pembelajaran. Hamka (Shahril dan Habib, 1999) mentakrifkannya sebagai satu proses membentuk tingkah laku baik, sikap berani, merendah diri, sabar, menghormati orang tua dan pembentukan pemikiran sistematik.

Ibrahim Saad (1982), mentakrifkan pendidikan sebagai menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang lain, memperbaiki kelakuan dengan memberi nasihat. Merujuk Wan Mohd Zahid (1994), menyatakan bahawa pendidikan berperanan untuk memperkembangkan segala potensi ataupun fitrah manusia. Oleh itu, nilai-nilai murni adalah penting dalam pembentukan keperibadian insan.

Menurut Ariffin Ba'ad (1991), penerapan nilai-nilai murni secara rasionalnya membentuk pelajar serta generasi yang berhemah tinggi, berperibadi teguh dan seimbang. Nilai-nilai murni ini juga adalah untuk membentuk diri, masyarakat dan negara selaras dengan perkembangan tamadun dan zaman. Dengan ini melahirkan masyarakat yang saling menghormati dan kesannya menjamin keharmonian dalam masyarakat dan menyumbangkan kepada pembangunan masyarakat dan sebuah negara yang aman dapat diwujudkan.

Pendidikan dan penerapan nilai-nilai murni mempunyai hubungan yang sangat akrab dan berkait di antara satu sama lain. Tanpa penerapan nilai-murni maka

pendidikan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini menyebabkan berlaku beberapa kepincangan dalam mencapai matlamat FPN (Sufcan Husin, 1995).

Pengubalan KBSR dan KBSM yang berdasarkan FPN amat menekankan penerapan nilai-nilai murni. KBSM yang digubal dan dilaksanakan mulai tahun 1988/89 adalah kesinambungan daripada KBSR (1982). Kurikulum KBSR telah menggantikan KLSR (Kurikulum Lama Sekolah Rendah) dan KBSM pula telah menggantikan KLSM (Kurikulum Lama Sekolah Menengah) kerana antara kelemahan KLSR dan KLSM ialah kurang pemupukan nilai-nilai murni dan sikap positif dalam pengajaran (Mok Soon Sang, 1991).

Antara objektif KBSR ialah membina pelajar dengan sikap dan perlakuan yang baik berpandukan nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian yang diterima dan dihargai oleh masyarakat. Penerapan nilai-nilai murni tertumpu di dalam pelajaran Agama Islam dan Pendidikan Moral. Peringkat KBSM pula mementingkan penyerapan nilai-nilai murni secara menyeluruh dalam semua mata pelajaran. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam pelaksanaan KBSR dan KBSM ialah membimbing pelajar untuk membina kepekaan mereka terhadap nilai dan norma masyarakat supaya pelajar dapat membentuk perlakuan dan pribadi yang mulia (Ariffin Ba'ad, 1991).

Menurut Sidek Baba (2001), tujuan penerapan nilai-nilai murni di dalam beberapa sukatan mata pelajaran adalah untuk membentuk semua pelajar supaya berperibadi mulia dan bertanggung jawab berdasarkan kepada nilai moral diri, keluarga, komuniti dan masyarakat. Nilai yang terdapat di dalam sukatan mata pelajaran mendatangkan manfaat kepada semua golongan.

Merujuk Sufean Hussin (1995), telah mengenal pasti beberapa matlamat yang ingin dicapai di dalam beberapa mata pelajaran dengan menerapkan nilai-nilai murni sewaktu sesi pengajaran iaitu:

- 1) Pembelajaran nilai-nilai kerohanian adalah bertujuan untuk menerapkan kepada para pelajar kod pelakuan dan etika dalam sebarang interaksi sesama manusia dan alam sekitar. Penerapan nilai-nilai adalah seperti bertimbang rasa, belas kasihan dan menghargai pengurniaan alam. Dengan adanya nilai-nilai tersebut dapat menimbulkan sifat-sifat kesopanan dan keluhuran sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukun Negara.
- 2) Penerapan nilai-nilai yang bersabit dengan sikap positif seperti nilai gigih, tidak putus asa, produktif, berani dan kompetitif adalah untuk membina personaliti individu yang dapat menyumbangkan kepada kemajuan diri sendiri dan masyarakat.
- 3) Penerapan nilai-nilai yang bersabit dengan kemahiran interaksi dan perpaduan negara ialah seperti nilai kerjasama, tolak ansur, autonomi, koleransi, setiakawan, hormat-menghormati, jujur dan ikhlas. Nilai-nilai ini akan membentuk para pelajar sedar akan kepentingan keamanan, kerukunan dan kesejahteraan hidup.

2.3 Objektif Penerapan Nilai Murni

Menurut Ariffin Ba`ad (1991), matlamat penerapan nilai murni melalui pendidikan ialah untuk melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia. Antara objektif penerapan nilai murni adalah seperti berikut:

- 1) Menanamkan kesedaran, kesefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran.
- 2) Menanamkan semangat cintakan nilai-nilai suci.
- 3) Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
- 4) Membentuk sikap positif dan berguna kepada agama, bangsa dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
- 5) Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas dan tanggung jawab.

- 6) Menjalankan amanah dengan baik.
- 7) Melatih diri dengan disiplin.
- 8) Meningkatkan hasil atau produktiviti.
- 9) Berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

Melalui objektif-objektif ini, bolehlah disimpulkan bahawa penerapan nilai murni adalah untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan pelajar yang mempunyai tanggung jawab untuk membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan alam sekitar dan negara ke arah kebahagiaan dunia dan kesejahteraan yang abadi di akhirat.

2.4 16 Ciri Nilai Murni Merentas Kurikulum (KBSM)

16 ciri-ciri nilai murni KBSM terpilih dan dapat diterima oleh pelajar-pelajar dari pelbagai keturunan dan agama adalah kerana ia merupakan nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh semua agama. Menurut Ee Ah Meng (1997), pemilihan nilai-nilai murni ini dipersetujui oleh Jawatankuasa Pendidikan Akhlak (1976), yang dianggotai oleh wakil pelbagai agama. Nilai-nilai murni ini diterima untuk diajar dan diterapkan kepada semua pelajar di negara ini agar dapat membentuk pelajar yang seimbang dan menyeluruh dari segi kognitif, afektif, psikomotor dan akhlak. Di peringkat sekolah penerapan nilai murni boleh disepadukan melalui:

- a. Secara pertuturan
- b. Secara perlakuan
- c. Secara teladan
- d. Secara isyarat
- e. Secara kefahaman
- f. Secara interpretasi
- g. Secara kontekstual

Berdasarkan Wan Mohd Zahid (1994). Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah memperakui 16 ciri nilai-nilai murni dan mengariskan ciri-ciri dan maksudnya iaitu:

2.4.1 Baik Hati

Bermaksud sikap sentiasa mengambil berat terhadap perasaan dan kebajikan orang lain secara tulus ikhlas. Sikap baik hati boleh dilihat dengan menilai tindak tanduk orang lain. Ini meliputi:

- Aspek belas kasihan
- Bertimbang rasa
- Murah hati
- Saling faham memahami
- Sedia memaafkan

2.4.2 Berdikari

Bermaksud kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. Berdikari dalam konteks ini membawa pengertian:

- Bertanggung jawab
- Berupaya bertindak sendiri
- Jaya diri
- Yakin pada diri sendiri
- Kebolehan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain



2.4.3 Hemah Tinggi

Bermaksud berbudi pekerti dengan tingkah laku mulia dan lemah lembut yang patut diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain. Ciri-ciri berhemah tinggi adalah:

- Kesopanan
- Berbudi pekerti
- Lemah lembut
- Mengakui kesalahan
- Ramah mesra

2.4.4 Hormat-Menghormati

Bermaksud menghargai dan memuliakan seseorang dan institusi sosial dengan memberi layanan yang bersopan. Ini merangkumi:

- Hormat dan taat kepada ibu bapa
- Hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin
- Hormat kepada raja dan negara
- Patuh kepada undang-undang
- Hormat kepada hak asasi
- Hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan
- Hormat kepada keperibadian individu

2.4.5 Kasih sayang

Bermaksud perasaan cinta dan kasih sayang yang mendalam dan berkekalan. Rasa ini lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu tanpa sebarang unsur kepentingan diri:

- Sayang kepada nyawa
- Sayang kepada alam sekeliling
- Cinta kepada negara
- Cinta kepada keamanan dan keharmonian

2.4.6 Keadilan

Bermaksud perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.

2.4.7 Kebebasan

Kebebasan yang dimaksudkan ini tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara. Contohnya ialah:

- Kebebasan di sisi undang-undang
- Kebebasan dalam sistem demokrasi

2.4.8 Keberanian

Bermaksud kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati. Keberanian itu perlu ada pada setiap orang. Tetapi harus tahu batasannya dan keupayaannya kerana keberanian yang melulu mengakibatkan bencana. Nilai ini merangkumi:

- Berani dengan tidak membuta tuli
- Berani kerana benar
- Berani mempertahankan pendirian
- Berani bertanggung jawab

2.4.9 Kebersihan Fizikal Dan Mental

Kebersihan fizikal ialah kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. Kebersihan mental pula merangkumi pertuturan, perlakuan, pemikiran dan kerohanian. Antaranya ialah:

- Kebersihan diri
- Kebersihan persekitaran
- Pertuturan dan kelakuan yang bersopan
- Pemikiran yang sihat dan membina

2.4.10 Kejujuran

Bermaksud sikap dan perlakuan yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan.

2.4.11 Kerajinan

Bermaksud usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara.

2.4.12 Kerjasama

Bermaksud usaha baik dan membina yang dilakukan secara bersama pada peringkat individu, komuniti, masyarakat atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat seperti persaudaraan, tanggung jawab bersama, gotong royang, ketoleranan dan perpaduan.

2.4.13 Kesedaran

Bermaksud sikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan supaya sesuai dengan norma dan nilai masyarakat. Ini termasuklah:

- Sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan kepentingan orang lain
- Tidak keterlaluan dalam pertuturan dan tingkah laku

2.4.14 Kesyukuran

Bermaksud perasaan dan perlakuan yang dilahirkan secara ikhlas di atas nikmat dan kesenangan yang diperolehi seperti berterima kasih.. mengenang budi dan penghargaan.

2.4.15 Rasional

Bermaksud boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya, tanpa dipengaruhi oleh perasaan.

Umpamanya seperti boleh membuat pertimbangan, boleh membuat penaaakulan dan berfikiran logik dan terbuka.

2.4.16 Semangat Bermasyarakat

Kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat seperti bermuafakat, kerajinan dan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat.

Semua nilai-nilai murni yang telah dinyatakan dapat diterima oleh pelajar berbilang bangsa dan agama kerana merupakan nilai-nilai sejagat yang diakui oleh kebanyakan agama dan menjuruskan seseorang individu ke arah kebaikan.

Oleh itu, pensyarah KUIITTHO seharusnya tidak mengabaikan penerapan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran walaupun tidak diperuntukan waktu yang khas sebagaimana di dalam kurikulum mata pelajaran KBSR dan KBSM. Pensyarah perlu prihatin untuk sentiasa mencari peluang menerapkan ciri-ciri nilai murni yang berkaitan dengan sukatan pelajaran yang diajar.

2.5 Strategi Penerapan Nilai Murni

Menurut Tajul Ariffin dan Nor Aini (1992), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan penerapan nilai murni perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh di peringkat sekolah menengah. Langkah yang diambil ialah memastikan kurikulum KBSM tidak terpisah daripada penerapan unsur-unsur nilai murni. Ini berikutan pelajar yang meningkat remaja akan mudah terpengaruh dengan gejala kurang sihat. Pelajar yang tidak mempunyai nilai murni sentiasa berada dalam keadaan bermasalah. Antara cara yang dikenal pasti untuk menyemai nilai-nilai murni ialah melalui:

- Mata pelajaran tertentu (Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam)
- Penerapan nilai murni dalam mata pelajaran lain
- Aktiviti ko-kurikulum
- Aktiviti persatuan sekolah

Melalui aktiviti-aktiviti di atas, penerapan nilai murni dapat memberikan pengetahuan dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar walaupun penerapannya tidak sepenuhnya akan dapat dilaksanakan. Penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni secara berkesan dapat memastikan pencapaian matlamat dan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Peranan guru bukan hanya menjalankan tugas mengajar mata pelajaran yang terdapat di dalam silibus, tetapi cuba menyampaikan nilai murni yang boleh dikaitkan dan perlu terdapat dalam setiap mata pelajaran. Adakala nilai murni yang disalurkan itu tidak terdapat secara khusus di dalam subjek tersebut tetapi perlu diterapkan secara tidak formal seperti kaedah komunikasi yang baik antara guru dan pelajar untuk mempengaruhi jiwa pelajar.

Strategi penerapan nilai murni secara tidak formal berlaku secara bersahaja. Ini kerana nilai-nilai murni tidak diajarkan secara formal untuk semua mata pelajaran. Semua pendidik dikehendaki menyelitkan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan pengajaran yang sedang disampaikan secara spontan tanpa dirancang seperti memasukkan sedikit unsur kecindan semasa sesi pengajaran. Guru juga dikehendaki perlu cekap menerapkan ciri-ciri nilai murni supaya tidak dirasakan sebagai sesuatu paksaan ke atas diri pelajar. Guru juga dikehendaki bijak mengaitkan ciri-ciri nilai murni dengan isi pengajaran agar tidak dirasakan sebagai sesuatu yang terasing dan terpisah. Dengan itu usaha menghayatinya menjadi lebih bersahaja dan berkesan (Sufean Husin, 1995).

Bagi isi pelajaran yang mempunyai kaitan secara langsung dengan ciri-ciri nilai murni, pendekatan kognitif seperti penyampaian dalam bentuk penerangan, interaksi dan perbincangan dapat dilakukan. Contohnya fakta-fakta sejarah dan cerita-cerita dalam mata pelajaran sastera dapat dibincang melalui isu-isu yang dapat dikaitkan secara langsung dengan unsur nilai yang dipegang oleh pelajar atau nilai sejagat tertentu (Ibrahim Saad, 1982).

Seorang guru digalakkan untuk meminta pelajar memberi pandangan dan membuat penilaian terhadap nilai-nilai murni yang telah diperolehi semasa pengajaran guru. Guru hanya bertindak sebagai pembimbing untuk menasihati dan sebagai pemerhati untuk memastikan penilaian pelajar adalah bernas dan benar. Oleh itu, pelajar dapat melihat, membuat perbandingan serta mengaitkan apa yang dipelajari dalam mata pelajaran dengan situasi sekarang (Abu Bakar Nordin, 1991).

Seorang guru juga perlu menunjukkan contoh tauladan yang baik sepanjang masa supaya mudah diikuti oleh pelajar kerana mereka melihat, belajar dan meniru segala tingkah laku orang dewasa. Setiap gerak geri guru menjadi tontonan pelajar. Antara contoh yang boleh dijadikan amalan ialah guru perlu sentiasa berpakaian kemas dan melatih pelajar supaya mudah melemparkan senyuman dan mengucapkan selamat kepada tetamu tanpa mengira kaum dan agama. Guru boleh memulakan dulu untuk memberi senyuman kepada pelajar yang dikenali (Ariffin Ba'ad, 1991).

Kesimpulannya, unsur-unsur nilai murni merupakan satu penghayatan secara beramal bukan untuk penghafalan. Sikap prihatin guru dan kesedaran pelajar dalam memupuk nilai murni sama ada secara formal atau pun spontan membolehkan penerapan unsur-unsur murni dapat dipupuk dari semasa ke semasa.

2.6 Kesan Penerapan Nilai Murni Merentas Kurikulum Terhadap Pelajar

Kesan penerapan nilai murni terhadap pelajar ialah penampilan golongan remaja yang menghormati orang tua, berakhlak mulia dan tidak mudah dipengaruhi oleh pelbagai masalah sosial. Golongan remaja yang berusia awal 20-an sekarang adalah perintis pelajar KBSM yang telah berjaya diterapkan nilai-nilai murni semasa di peringkat sekolah menengah. Hasilnya, golongan remaja kini mempunyai kesedaran untuk membanteras kepincangan yang dihadapi oleh segelintir rakan mereka yang masih dipengaruhi oleh nilai yang tidak elok. Berikut adalah antara kesan yang dapat dilihat melalui penerapan nilai murni di kalangan pelajar:

- 1) Golongan remaja mudah terpengaruh dengan perkembangan muzik dan lagu-lagu terkini seperti irama *rock*, dangdut dan lain-lain. Minat yang melampau kepada seseorang penyanyi tersebut merangsangkan perlakuan pelajar untuk meniru cara artis berpakaian, percakapan dan pergaulan. Keberkesanan penerapan nilai-nilai murni di kalangan golongan muda telah mendorong segolongan remaja untuk menubuhkan kumpulan nasyid seperti kumpulan

RUJUKAN

Abu Bakar Nordin (1991). "Kurikulum, Perspektif dan Pelaksanaan." Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Abu Zahari Abu Bakar (1984). "Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia". Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Mohamad Said (1991). "Wawasan 2020: Model Pembangunan Negara dari Implikasi Pendidikan". Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Alias Baba (1999). "Statistik Penyelidikan dan Sosial dalam Pendidikan dan Sains Sosial." Bangi: UKM.

Ariffin Ba'ad (1991). "Penerapan Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Ke Arah Melahirkan Generasi Yang Harmoni". Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid XXXV.

Cohen, L. dan Manion, L. (1985). "Research Methods in Education". London: Croom-Helm.

Dalen (1979). "Education Research." New York: Alfred A Knopf.

Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II, Pelaksanaan Pengajaran." Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hamdan Sheikh Tahir (1979). "Pendidikan Hari Ini untuk Hari Esok." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Saad (1982). "Isu Pendidikan di Malaysia." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jack, R. F. and Norman, E. W. (1996). "How To Design And Evaluate Research In Education." New York: McGraw Hill Inc.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1987). " Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah". Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). "Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Malaysia". Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kerajaan Pendidikan Malaysia (1991). "Rancangan Malaysia Jangka Panjang Kedua 1991-2000". Kuala Lumpur: Percetakan Negara.

MASSA. Wawancara Reformasi Pendidikan bersama Datuk Najib. Jun 1997.

McMillan, J.H (1996). "Education Research Fundamental For The Customer." 2nd ed. Virginia Commonwealth University: Harper Collins College Publisher.

Mohd Azib (1990). " Pendidikan di Malaysia untuk Diploma Perguruan." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mohd Najib Ghafar (1997). "Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (1991). "Pendidikan di Malaysia." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.



Sharifah Alwiah Alsagoff (1985). "Falsafah Pendidikan." Petaling Jaya: Heinemann.

Sharil @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). "Isu Pendidikan Di Malaysia".
Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors And. Bhd.

Sidek Baba. " Pendidikan Sebagai Asas Pembangunan Akhlak Generasi Muda."
<http://www.abim.org.my/majalah/risalah/97bil1/risalah2.html> . 4 Julai 2001.

Sufean Husin (1995). "Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum. Petaling Jaya: Fajar
Bakti Sdn. Bhd.

Tajul Ariffin Nordin dan Nor Aini Dan (1992). "Pendidikan dan Wawasan 2020."
Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Tunku Sarah Tunku Mhd. Jiwa (24-25 Oktober 1998). Kertas Kerja. "Penerapan
Nilai Di Dalam Pengajaran Pembelajaran Oleh Pensyarah UTM." Kertas
Kerja. Seminar Pendidikan Kebangsaan: Pendidikan untuk Kecemerlangan
Menuju Alaf Baru. ITTHO. Batu Pahat. Johor Darul Takzim.

Uma Sekaran. (1992). "Research Methods For Business: A Skill Building Approach".
2nd ed. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Wan Mohd Zahid bin Mohd Nordin (1989). "Kearah pelaksanaan Nilai-nilai Murni
Di Dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara." Bangi: Universiti
Kebangsaan Malaysia.

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1994). "Wawasan Pendidikan Agenda
Pengisian." Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKUN TUN AMINAH

Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin (2000). "Pandangan Pensyarah dan Siswa Siswi Terhadap Penggunaan Peta Minda dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Institut Teknologi Tun Hussein Om (ITTHO)." Projek Sarjana Pendidikan.

